

Jumaat 16 Januari 2004

Pendidikan

UMS bakal pusat R&D perikanan terunggul

Oleh Suzianah Jiffar

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) dijangka menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) terunggul di rantau ini dalam tempoh lima tahun akan datang, khususnya dalam sektor berasaskan perikanan berikutan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Kinki, Jepun, kelmarin.

Menerusi MoU itu, UMS dan Universiti Kinki akan menjalin kerjasama membabitkan perkongsian kepakaran teknologi dalam R&D bidang akuakultur dalam tempoh lima tahun.

MoU itu ditandatangani Naib Canselor UMS, Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman dan Naib Presiden Universiti Kinki, Dr Megumi Munakata disaksikan Pengarah Makmal Perikanan Universiti Kinki, Prof Dr Hidemi Kumai.

Dr Abu Hassan berkata, keja-

yaan Universiti Kinki dalam bidang akuakultur khususnya sektor perikanan antara faktor mendorong UMS menjalin kerjasama dengan universiti berkenaan.

"Dengan termeterainya MoU ini, kita yakin dalam tempoh lima tahun akan datang UMS mampu menjadi pusat R&D terunggul dalam bidang akuakultur di rantau ini, khususnya industri perikanan membabitkan pembiakan tuna dalam sangkar.

"Matlamat utama kerjasama ini ialah untuk berkongsi kepakaran teknologi mereka," katanya, sambil menjelaskan keyakinan UMS bahawa penggabungan kepakaran kedua-dua pihak itu mampu membangunkan bidang akuakultur khususnya di Sabah.

Selain bekerjasama dalam R&D, MoU itu juga membabitkan pertukaran pelajar dan kakitangan antara kedua-dua universiti untuk mengikuti latihan lanjut dalam bidang akuakultur.

Universiti Kinki, Jepun, terkenal di seluruh dunia sebagai universiti cemerlang dalam bidang akuakultur dan perikanan termasuk pembangunan cara membina sangkar tuna.

Selain itu, universiti yang ditubuhkan 1925 itu juga mantap dalam pelbagai bidang lain seperti pertanian, kejuruteraan, perubatan dan teknologi maklumat.

Dr Abu Hassan berharap kerjasama itu membolehkan hasil penyelidikan dalam bidang akuakultur dapat dikomersialkan pada masa depan.

"Bagaimanapun, buat masa ini kita memberi tumpuan terhadap R&D sebelum dikomersialkan. Saya yakin, kerjasama ini memberi faedah kepada kedua-dua pihak," katanya.

Sebagai permulaan, katanya, UMS menghantar 13 pelajar dari Sekolah Sains dan Teknologi mengikuti kursus akuakultur di Uni-

versiti Kinki untuk berkongsi kepakaran dalam bidang berkenaan, tahun ini.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, selain Universiti Kinki, UMS juga mengadakan kerjasama dengan beberapa universiti luar negara seperti Universiti Leeds, United Kingdom.

"Kerjasama dengan Universiti Leeds dalam bidang teknologi pembinaan.

"Setakat ini kita bekerjasama membina rumah kos rendah dengan menggunakan bahan diperbuat daripada sisa kelapa sawit.

"Sekarang, model rumah kos rendah hasil penyelidikan dijalankan pensyarah dan pelajar terabit hampir siap. Kita juga sedang berusaha mendapatkan ujian kelulusan kualiti daripada Sirim Berhad dan jika diluluskan, ia satu lagi pencapaian UMS," katanya.